

ICI Ref: R9283/12-6/IOI Corporation Berhad – Syarimo Grouping RA-01

13 Disember 2017

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

**Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Semula RSPO (RA-01) ke atas IOI Corporation Berhad (Nombor Keahlian RSPO: 2-0002-04-000-00), Unit Pengurusan Ladang – PMU Syarimo grouping, Kinabatangan, Sabah, Malaysia**

IOI Corporation Berhad telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Unit Pengurusan Ladang PMU, Syarimo Grouping bagi memenuhi keperluan *Rountable on Sustainable Oil Palm*, Prinsip dan Kriteria (RSPO P&C 2013) dan selaras dengan Interpretasi Kebangsaan Malaysia (MYNI 2014) dan RSPO SCCS 2017 bagi Kilang Sawit.

Intertek Certification International merancang untuk menjalankan Penilaian Semula (RA-01) IOI Corporation Berhad Unit Pengurusan Ladang PMU, Syarimo Grouping pada 15 - 19 Januari 2018.

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan RSPO P&C, MYNI dan RSPO SCCS secara berterusan dan bagi mendapatkan maklumbalas, Intertek Certification International ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian IOI Corporation Berhad Unit Pengurusan Ladang PMU, Syarimo Grouping. Unit bagi pensijilan ini terletak di Kinabatangan, Sabah, Malaysia.

Secara ringkas, IOI Corporation Berhad telah menjadi ahli kepada RSPO dari 17hb Mei 2004 dan komited untuk mematuhi sepenuhnya RSPO P&C dan juga pensijilan penuh di dalam semua aspek operasinya. IOI Corporation Berhad (IOI) memiliki dan mengendalikan 12 buah kilang minyak sawit dan 77 di seluruh Malaysia. Demi keberkesanan pengurusan dan kos, ladang-ladang dan kilang sawit IOI Corporation Berhad beroperasi dalam struktur organisasi yang meliputi Unit Pengurusan Ladang, zon-zon dan wilayah.

Butiran lanjut kilang memproses dan ladang kelapa sawit untuk penilaian adalah berikut:

**PMU: Syarimo Grouping**

Unit Operasi	Lokasi	Rujukan GPS	
		Latitud	Longitud
Kilang Sawit Syarimo (Kapasiti: 90 tm/jam)	KM23, Jalan Kinabatangan, Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°20.001'N	117°46.875'E
Ladang Syarimo 1	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°19.742'N	117°49.510'E
Ladang Syarimo 2	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°19.642'N	117°47.077'E
Ladang Syarimo 3	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°19.769'N	117°46.561'E
Ladang Syarimo 4	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°23.041'N	117°45.877'E
Ladang Syarimo 5	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°21.065'N	117°42.938'E
Ladang Syarimo 6	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	05°18.919'N	117°45.707'E
Ladang Syarimo 7	Sg. Latangan, Kinabatangan, Sabah	05°17.792'N	117°42.124'E
Ladang Syarimo 8	Sg. Latangan, Kinabatangan, Sabah	05°19.235'N	117°41.489'E
Ladang Syarimo 9	Sg. Latangan, Kinabatangan, Sabah	05°15.714'N	117°42.546'E





Nama Ladang	Alamat	Tanaman Menghasilkan (Ha)*	Tanaman Belum Menghasilkan (Ha)*	Kawasan*		Pengeluaran Tahunan BTS (Ton)*
				Jumlah (Ha)	Ditanam (Ha)	
Ladang Syarimo 1	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	1,820	0	1,914	1,820	39,266.73
Ladang Syarimo 2	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	1,747	0	1,987	1,747	42,403.16
Ladang Syarimo 3	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	2,315	0	2,442	2,315	56,863.00
Ladang Syarimo 4	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	1,877	0	2,377	1,877	41,678.05
Ladang Syarimo 5	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	2,111	0	2,268	2,111	48,473.59
Ladang Syarimo 6	Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	1,594	0	1,741	1,594	41,262.90
Ladang Syarimo 7	Sg. Latangan, Kinabatangan, Sabah	1,978	0	2,080	1,978	46,349.57
Ladang Syarimo 8	Sg. Latangan, Kinabatangan, Sabah	1,430	0	1,854	1,430	34,035.35
Ladang Syarimo 9	Sg. Latangan, Kinabatangan, Sabah	1,515	0	1,756	1,515	36,224.41
<b>Jumlah</b>		<b>16,387</b>	<b>0</b>	<b>18,419</b>	<b>16,387</b>	<b>386,556.76</b>

\* Julai 2015 / Jun 2016

Nama Kilang	Alamat	Penghasilan Tahunan *		Kapasiti Kilang (Ton / Jam)
		CPO (Ton)	PK (Ton)	
Kilang Sawit Syarimo - POM	KM23, Jalan Kinabatangan, Sg. Pin, Kinabatangan, Sabah	92,963	22,700	90

\* Julai 2015 / Jun 2016

Intertek Certification International Sdn Bhd adalah sebahagian daripada Kumpulan Intertek, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO SCC, ISCC, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.

Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai**
  - Mr. Augustine Loh (Kilang Kelapa Sawit, Aspek Undang-Undang, Gunatanah, Alam Sekitar, HCV / Konservasi dan Rantaian Perolehan di Kilang)
- **Penilai**
  - En. Chin Bit Kee (Temuduga Stakeholder, Amalan Pertanian yang Baik dan Pengurusan Perosak Bersepadu)
  - En. Jumat bin Majid (Aspek Undang-Undang, Temuduga Stakeholder, Sosial dan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan)



Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan dengan penilaian
- Pemeliharaan biodiversiti
- Pembangunan komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

Mr. Augustine Loh  
RSPO Program Manager  
Intertek Certification International Sdn Bhd  
D-28-3, Level 28, Menara Suezcap 1  
No. 2, Jalan Kerinchi  
Gerbang Kerinchi Lestari  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 603 7931 0032 Fax: 603 79310419  
Email: [augustine.loh@intertek.com](mailto:augustine.loh@intertek.com)

Mr. Dickens Mambu  
Plantation Sustainability Coordinator  
IOI Corporation Berhad  
Level 8, Two IOI Square,  
IOI Resort, 62502, Putrajaya  
Tel: 603-89478888  
Fax: 603-89478988  
Email: [dickens.mambu@ioigroup.com](mailto:dickens.mambu@ioigroup.com)

Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,

---

Augustine Loh  
RSPO Program Manager  
Intertek Certification International Sdn Bhd